



# Mahasiswa baharu lafaz ikrar janji tunai amanah



Mahasiswa baharu Universiti Malaysia Pahang (UMP) melafazkan ikrar untuk memberikan legitimasi sebagai warga universiti yang bertanggungjawab dalam menunaikan amanah terhadap diri, keluarga, masyarakat dan tanah air.

Lafaz ikrar ini diketuai bersama 2047 mahasiswa baharu merupakan kohort ke-10 sejak UMP ditubuhkan.

Majlis diadakan selepas Majlis Amanat Naib Canselor kepada mahasiswa baharu yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang pada 6 September 2013 yang lalu.

Dalam majlis ini, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim mengucapkan tahniah dalam kalangan mahasiswa yang berjaya terpilih di kalangan 68,702 permohonan yang menyaksikan hanya 41,573 calon atau 60.51 peratus yang diberikan peluang melanjutkan pengajian di IPTA seluruh negara.

"UMP mencatatkan jumlah pengambilan seramai 1,656 mahasiswa untuk program pengajian Sarjana Muda dan 391 untuk program Diploma.

"Kohort kali ini juga mencatatkan peningkatan yang signifikan dari segi kualiti pelajar apabila 69 peratus daripada calon yang mendaftar untuk program pengajian Sarjana Muda merupakan pelajar cemerlang yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) sekurang-kurangnya 3.0 di peringkat Matrikulasi, Asasi, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan setaraf.

"Peratusan ini menunjukkan satu peningkatan, berbanding 62 peratus bagi pengambilan sesi yang lalu," katanya.

Dato' Dr. Daing berkata, hakikat ini membuktikan bahawa UMP kini menjadi pilihan utama kepada calon-calon pelajar yang cemerlang untuk

melanjutkan pengajian mereka malah pastinya ada sesuatu yang signifikan dalam rangkaian program yang ditawarkan di sini.

Ditambah pula, UMP tersenarai sebagai antara universiti 'Cemerlang' dalam penilaian Sistem Penarafan Institusi Pengajaran Tinggi Malaysia (SETARA) yang diumumkan dalam tahun 2012.

Katanya, UMP adalah unik kerana berjaya menawarkan program-program akademik yang inovatif, dengan usaha sama dan pengiktirafan antarabangsa.

Tambah Dato' Dr. Daing, sebagai sebuah universiti berfokus kepada bidang-bidang kejuruteraan, sains dan teknologi, UMP terpanggil untuk mencipta kelainan dan keunikan dalam reka bentuk program akademik dan pendekatan pengajian yang digunakan.

Hasilnya, kini UMP mampu menawarkan program dwi-ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan rakan strategik di peringkat antarabangsa dan berupaya menawarkan program pengajian Teknologi Kejuruteraan yang menepati standard antarabangsa seperti Accreditation Board for Engineering and Technology (ABET) di Amerika Syarikat.

Selain itu, bagi sesi kemasukan 2013/2014, UMP juga telah menerima kumpulan pertama mahasiswa untuk program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Farmaseutikal) yang juga disasarkan untuk dijalankan secara kerjasama antarabangsa.

Majlis turut dihadiri, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusof, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserie Zainuddin dan barisan pengurusan Senat UMP.